

29/02/2004

`Orang Perlis kini sudah sedar'

Ismail Mat

BARISAN Nasional (BN) Perlis sudah bersiap sedia bagi memastikan kesinambungan pemerintahan kerajaan, selain yakin merampas semula tiga kerusi Dewan Undangan Negeri (Dun) yang jatuh ke tangan Pas pada pilihan raya umum 1999.

Dalam pertemuan wartawan Berita Minggu, ISMAIL MAT dengan Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim, di Kangar, Selasa lalu, beliau antara lain mengakui rakyat Perlis sudah sedar kesilapan lalu kerana mengundi pembangkang dan beliau tidak bimbang dengan kehadiran pemimpin Pas, termasuk Datuk Dr Haron Din yang mahu bertanding di Perlis.

Beliau juga mahu memberi hadiah istimewa iaitu kemenangan besar BN kepada Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri. Ikuti temu bual selanjutnya.

APA pengajaran yang diperolehi pengundi Perlis apabila memberi peluang kepada Pas memenangi tiga kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) pada pilihan raya 1999?

Orang Perlis kini sudah sedar, pembangkang yang diberi peluang pada 1999, hanya pandai bercakap tanpa sebarang sumbangan, lebih-lebih lagi sikap orang Perlis yang melihat wakil rakyat itu bersifat pegawai kebajikan. Kini mereka lihat sendiri pembangkang tidak mampu memberi perkhidmatan sedemikian rupa, menyebabkan keyakinan mereka semakin hilang. Mereka lihat Pas sebenarnya indah khabar dari rupa, gagal membuktikan mereka sebuah parti yang baik. Wakil rakyat pembangkang berada dalam sebuah parti yang sebenarnya tidak berupaya memberi apa-apa kecuali membohongi rakyat.

Apa sebabnya yang mendorong Pas kuasai tiga DUN pada pilihan raya 1999?

Kemenangan mereka dulu bukan disebabkan keadaan di Perlis tetapi pengaruh keadaan negara ketika itu dengan serangan hebat Pas terhadap Kedah dan Perlis. Namun, di Perlis, kita dapat pertahankan Parlimen tetapi tiga kerusi DUN jatuh kepada Pas pula dengan majoriti yang rendah.

Kita kalah bukan kerana Pas kuat tetapi kerana Umno berbeza pendapat. Apabila Umno kini kurang perbezaan pendapat, Pas lemah kerana selama ini Pas melihat perbezaan pendapat dalam Umno adalah kekuatan mereka.

Jika keadaan itu menjadi faktor kejayaan Pas, mungkinkah pemimpin Umno kini menjadi sasaran adu domba supaya tidak sepatat berikutan keghairahan nak jadi calon?

Saya tidak nafikan perkara itu boleh berlaku, akan berlaku dan sikit-sikit sedang berlaku. Sama ada diadu domba oleh Pas atau sifat manusia yang tamak, kita tak tahu tetapi saya sedang mengumpul maklumat sejauh mana perbuatan pembangkang itu menyebabkan Umno lemah, mereka kuat. Ini mungkin strategi pembangkang. Kita juga melihat mungkin orang Umno sendiri ada sifat menjurus kepada tamak dan sebagainya. Saya sentiasa mencari jalan mengurangkan ketegangan, bagi saya kekuatan parti adalah keutamaan. Hasil pendekatan ini membolehkan saya menangani perbezaan pendapat dalam Umno Perlis.

Bagaimana prestasi wakil rakyat BN di Perlis?

Perlis lebih kecil daripada Parlimen Kubang Pasu di Kedah. Semua wakil rakyat duduk dalam kawasan masing-masing. Melawat atau tak melawat pun, mereka duduk dalam kawasan yang diwakili, keluar dari rumah untuk pergi ke mana-mana pun mereka akan melalui kawasan berkenaan. Jadi tidak timbul soal wakil rakyat tidak melawat. Masalahnya, orang kampung pula yang jemu apabila kita asyik melawat. Suasana di Perlis berbeza di negeri lain yang

ada wakil rakyat duduk di bandar. Saya sendiri Adun Tambun Tulang duduk di Kangar tapi saya jalan tidak sampai 15 minit sudah masuk Tambun Tulang, boleh dikatakan setiap hari saya masuk ke Tambun Tulang untuk melawat emak saya, sambil meninjau kehidupan masyarakat setempat. Soal tidak lawat kawasan tidak timbul di Perlis, cuma kadang-kadang dia orang kata dah lebih sangat melawat. Mungkin ada berbangkit rungutan peruntukan tak dapat, itu adalah tetapi apakan daya sebab kita pun minta dari kerajaan Pusat, ada yang kata nak buat masjid tetapi tunggu lama duit tak dapat, peruntukan negeri tak banyak, kita bergantung kepada kerajaan Pusat. Kalau bagi Alhamdulillah, kalau tak bagi lagi, kita kena tunggulah!

Bagaimana keupayaan BN Perlis untuk menang. Mampukah BN rampas semula kawasan yang jatuh kepada Pas pada 1999?

Saya membuat kesimpulan di seluruh Perlis kini tiada masalah. Walaupun Pas menghantar tokoh atau tauke atau `dogeh', saya tidak nampak sebarang halangan untuk hadapi mereka. Saya yakin, Insya-Allah, kita boleh menang balik ketiga-tiga kerusi itu.

BN Perlis kelihatan begitu yakin, mungkinkah ketika ini tiada isu berat yang dihadapi?

Pada 1999, kelemahan kita berpunca daripada perpecahan dalam Umno, tetapi sekarang Umno sudah bersatu. Dalam majlis bersama rakyat di kawasan yang jatuh kepada pembangkang, penduduknya memberi sambutan baik. Keadaan itu menunjukkan rakyat kawasan itu sudah rasa bersalah kerana memberikan kerusi itu kepada pembangkang. Kalau nak bimbang, saya tidak bimbangkan tiga kawasan itu, sebaliknya kalau ada kebimbangan sikit pun, ia ada di kawasan lain.

Bagaimana persediaan BN Perlis untuk menghadapi pilihan raya umum akan datang?

Persediaan kita kini di tahap maksimum untuk menghadapi pilihan raya pada bila-bila masa. Bilik gerakan pilihan raya mengikut kawasan peti undi sudah ditubuhkan. Walaupun secara rasmi dibuat sekarang, sebenarnya jentera pilihan raya BN Perlis sudah bergerak lama iaitu ketika kita memulakan kajian sikap dan sebagainya. Perlis negeri kecil dengan jumlah pengundinya juga kecil, jadi ia memerlukan keberkesanan jentera pengurusan parti.

Bagaimana kerjasama dengan komponen BN yang lain di Perlis?

Komponen BN juga telah kita selaraskan, tanpa sebarang masalah dalam persediaan yang dibuat. Malah, saya berjumpa dengan mereka dari semasa ke semasa. Sebenarnya, gerakan persediaan menghadapi pilihan raya sudah dibuat sejak Ramadan lalu. Sepanjang tempoh itu saya berjumpa kelompok pengundi tertentu dan jentera pilihan raya seramai kira-kira 32,000 orang. Kelompok pengundi tertentu ini adalah pengundi atas pagar ini terdiri ibu tunggal, anak yatim, warga emas, penduduk termiskin dan warga istimewa yang sokongan mereka turut diperlukan ketika pilihan raya. Kebanyakan mereka memerlukan sokongan aspek kebajikan dan kita sudah bantu.

Apa yang dilaksanakan kerajaan sejak 1999, untuk dibentangkan kepada rakyat bagi mendapatkan mandat baru pada pilihan raya umum akan datang?

Pada 1999, kita menghadapi kegawatan politik yang memberi kesan di seluruh negara, walaupun ketika itu ekonomi kita juga jatuh tetapi Perlis masih berupaya mempertahankan tiga kerusi peringkat Parlimen dan kedudukan BN dalam Dun yang melebihi majoriti dua pertiga. Selepas kemenangan 1999, rakyat Perlis terus memberi kepercayaan kepada BN. Kita membawa pembangunan yang cukup pesat kepada Perlis dalam pelbagai bidang. Kesan pembangunan ini memberi kesan kepada rakyat seperti pertumbuhan gerai makan, situasi yang menunjukkan permintaan kepada perkhidmatan menyebabkan kita kini hadapi masalah apabila kedai makan dibuka di mana-mana saja. Keadaan itu menimbulkan sedikit masalah tetapi permintaan yang ada membuktikan pertumbuhan ekonomi di negeri ini. Gerai makan juga petanda

penyertaan masyarakat bawahan terutama orang Melayu dalam aktiviti perniagaan.

Apa projek pembangunan ekonomi yang dilaksanakan sepanjang empat tahun lalu?

Infrastruktur lebih kepada projek yang dilaksanakan kerajaan, lebih-lebih lagi apabila ekonomi kita jatuh, jadi kerajaan membina infrastruktur gergasi yang mampu menjana ekonomi seperti kita membina lebuh raya dan politeknik, semua itu jumlahnya hampir RM1 bilion. Sektor swasta yang ada kaitan dengan kerajaan negeri melaksanakan pengeluaran kuasa elektrik dengan kos RM1.8 bilion, semua ini menjana kepada pertumbuhan ekonomi yang cukup pesat dan teguhkan ekonomi. Pada masa sama, ada juga kilang swasta masuk tetapi mereka lebih tumpu kepada beri peluang kerja kepada anak tempatan.

Bagaimana pula aspek sosio-ekonomi dalam usaha mengurangkan masalah kemiskinan?

Menerusi dana yang ada, kita bantu semua. Tiada keluarga miskin di Perlis yang anak mereka tidak bersekolah. Kita akan marah dan boleh hukum ibu bapa kalau ada keluarga yang anaknya tidak dihantar belajar kerana kemiskinan. Kemiskinan bukan penghalang kepada anak untuk belajar. Semua orang miskin di Perlis diberi bantuan termasuk ibu tunggal, anak yatim, warga emas dan golongan istimewa. Jumlah golongan ini mencapai 30,000 orang tetapi keluarga miskin di Perlis tidak sampai 2,000. Jumlah yang ramai itu kita masukkan semua yang kita rasa layak dapat bantuan dan penghargaan. Bantuan diberi dari semasa ke semasa dalam bentuk wang tunai dan barang makanan.

Bagaimana dengan pembangunan kecil seperti jalan kampung, perparitan, bekalan air serta elektrik yang penting dalam kehidupan?

Di Perlis, semua jalan kampung sudah di tar. Kemudahan asas lain seperti elektrik dan air sudah mencapai 100 peratus. Cuma masalah penyelenggaraan yang timbul seperti kerosakan jalan tar kerana dilalui kenderaan berat.

Apa nasihat kepada pemimpin Umno kerana ketika ini ramai sangat berminat jadi wakil rakyat?

Saya mengambil pendekatan berjumpa mereka yang berminat menjadi calon dan menasihati supaya mengutamakan parti melebihi segala-galanya serta menerima dan menyokong 100 peratus sesiapa yang ditetapkan pucuk pimpinan sebagai calon demi kejayaan BN. Majoriti bersetuju dengan pendapat saya.

Ada yang berpendapat wakil rakyat yang sudah lama berkhidmat, wajar memberi peluang kepada generasi muda untuk mengambil alih?

Ya! mungkin boleh diterima pakai pandangan yang sudah lama beri peluang kepada yang muda, tetapi ada juga yang lama boleh terus diguna pakai. Namun, bagi generasi muda yang mahu mengambil alih, saya nasihatkan supaya tunjukkan sifat mementingkan parti, bukan diri sendiri, tunjukkan sifat sebagai pejuang bukan petualang, tunjukkan sifat sentiasa suka berkorban, bukan orang yang mencari kesempatan. Itulah nasihat saya kepada orang muda, dia bukan saja muda tetapi mempunyai kekuatan dari segi pengalaman dan kemampuan yang perlu ada kerana muda saja tidak cukup. Saya pun belum tua lagi, saya suka melihat orang muda muncul supaya mereka boleh menjadi pelapis yang berkesan kerana mereka sudah ada pengalaman.

Bagaimana isu semasa mempunyai kesan kepada pengundi Perlis?

Bagi Pas, di negeri yang ada persempadanan semula, mereka akan pertikaikan tindakan itu. Mereka juga akan pertikaikan peribadi individu seperti di Perlis. Namun, sekarang ini peraturan pilihan raya agak ketat, mereka tidak boleh berbuat demikian, kalau dia serang juga secara individu, dia boleh dibatalkan daripada bertanding dalam pilihan raya. Tidak boleh serang, maki fitnah sedemikian rupa terhadap individu, dia akan merosakkan perjalanan pilihan raya. Satu taktik baru di Perlis ketika ini ialah penyebaran surat layang membabitkan individu yang mengaku

kononnya dia membuat surat itu, tetapi sebenarnya orang lain yang melakukannya. Ini mungkin bukan dilakukan Pas tetapi sesama dalam parti. Surat layang ini ada kesannya apabila individu itu yang mengeluarkan surat, mengaku bersumpah dengan nama Allah, kesannya pada peringkat bawah apabila saya masuk kampung, saya ditanya mengenai surat layang seumpama ini. Pembuat surat layang ini sanggup buat demikian kerana dia belum dapat lagi bala Allah.

Maknanya, ada kemungkinan orang dalam Umno sendiri yang terbabit dengan kegiatan itu dan ia menjadi masalah besar kepada Umno Perlis kini?

Tidak tahulah, tetapi bagi saya mungkin bukan pembangkang tetapi sesama kawan-kawan. Sebenarnya, tiada masalah besar di Perlis. Apabila tiada masalah lain, maka masalah kecil yang satu itu pun akan jadi besar.

Mungkinkah saingan pilihan raya kali ini lebih mudah berbanding 1999?

Bagi saya lebih mudah menang tetapi semangat tinggi di kalangan ahli Umno adalah untuk memberi petunjuk ini pilihan raya pertama buat Pak Lah (Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi). Sebagai pengikut setia kepada pemimpin, saya bertekad menghadihkan 15 kerusi DUN dan tiga kerusi Parlimen kepada Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri. Semangat kepartian adalah untuk bagi hadiah, dari segi perjuangan kita mahu kemenangan. Untuk itu, kita semua bekerja keras.

Mungkinkah keputusan Ketua Penerangan Pas, Datuk Dr Haron Din untuk bertanding di Perlis memberi kesan kepada keupayaan Pas di Perlis?

Saya nak tanya saudara, apa keistimewaan dia yang membolehkan undinya bertambah. Saya rasa undinya akan bertambah kurang kalau dia balik ke Perlis. Adalah satu kesilapan untuk dia balik bertanding di Perlis kalau popularitinya setakat menjampi air.

Mungkin beliau akan bertanding di Tambun Tulang?

Kalau Haron Din bertanding di mana pun, saya rasa tiada masalah, malah dia tidak akan mendapat undi yang banyak.

Datuk Seri sudah menjadi Menteri Besar selama dua penggal, adakah berpuas hati dengan apa yang dilakukan?

Perkataan 'puas hati' itu tak berapa sedap sikit, bagi saya ialah saya telah cuba membuat yang terbaik tetapi berasakan masih banyak lagi perlukan dilakukan. Ada aspek yang perlu dimantapkan lagi, khususnya pelancongan dan pembangunan semula Kuala Perlis dan persisiran Sungai Perlis. Walaupun agak mahal tetapi ini sesuatu yang harus dibuat kalau Perlis hendak diubah landskap ke arah pembangunan dan pelancongan. Kalau landskap Sungai Perlis diperbaiki, ia akan mengubah Perlis.

Keduanya, petani Perlis masih tidak memperoleh pendapatan yang lebih daripada usaha mereka. Berikutan itu, ia memerlukan pendekatan satu industri satu kampung yang sedang kita usahakan sekarang. Tumpuan program ini akan ditingkatkan selepas pilihan raya nanti, supaya setiap kampung mesti mengeluarkan produk dan mampu dipasarkan pada peringkat antarabangsa mengikut kemampuan saya memberi publisiti kepada pelbagai benda lain selama ini. Pelbagai produk keperluan umat Islam pada peringkat antarabangsa boleh dikeluarkan di negeri ini seperti dilakukan China dan Taiwan tetapi memerlukan pemasaran yang agresif seperti yang dilakukan oleh Tun Dr Mahathir Mohamad (bekas Perdana Menteri) untuk Langkawi.

Apa harapan kepada pengundi Perlis pada pilihan raya akan datang?

Sokong Umno dan BN!, pertahankan rekod BN Perlis dan kita bersama-sama mendapat rahmat Allah. Kalau kita bersyukur, kita harus bersyukur dengan perbuatan, bukan setakat dengan mulut. Bersyukur kerana Allah memberi kerajaan yang baik di Perlis, kerajaan yang baik boleh diperolehi dengan mengundi. Rakyat Perlis yang bersyukur kena undi BN.

Datuk Seri membayangkan tempoh lapan tahun sebagai Menteri Besar belum cukup untuk melaksanakan pembangunan Perlis, tetapi ada khabar angin Datuk Seri akan bertukar kerusi ke Parlimen?

Ia begini! Kalau saya duduk di Selangor, saya rasa dua penggal pun cukup, sebab harga tanahnya mahal. Apabila buat pembangunan dapat cukup tinggi dan boleh buat pembangunan lain. Bagi saya, satu penggal pun cukup kalau jadi MB di Selangor, tetapi di Perlis setiap kali nak buat projek, kena tabik, telefon, buat surat, merayu, jumpa kawan-kawan baru boleh buat satu projek, nak buat projek di Perlis, berpeluh! Jadi, awak boleh bayangkan apa yang mampu dibuat dalam tempoh 10 tahun kalau menghadapi keadaan dan kedudukan sedemikian. Harga tanah murah, kalau bagi tanah pun, premium orang tak bayar, sewa tak bayar, kerajaan negeri tak ada tanah, semua tanah milik individu. Bagaimana nak membangunkan negeri tanpa wang yang cukup, kita kena bertungkus lumus. Nak tukar kerusi terpulanglah kepada pucuk pimpinan. Kalau pucuk pimpinan kata tukar, tukarlah! tak jadi masalah, yang saya persoalkan sekarang, janganlah ada mana-mana pihak guna nama pucuk pimpinan untuk nak ketua kepimpinan peringkat negeri. Tak bolehlah macam itu, sebab ia boleh merosakkan kekuatan politik dibina dengan begitu baik. Tak bolehlah orang mai nak perosak. Saya sudah membangun dan meletakkan Umno Perlis pada kedudukan yang terbaik, amat malang jika ada sesiapa yang cuma merosakkan keadaan itu. Kalau mereka mahukan sesuatu, datang secara baik dan cakap dengan saya. Itu lebih baik. Kalau nak sesuatu benda tu, mai cakap elok-elok, jangan pi dok cakap dan pelingkup kat belakang.

Seperti ada yang Datuk Seri tak puas hati?

Bukan tak puas hati dan bagi saya bukan saja di Perlis, tetapi di seluruh negara, kalau kita hendak sesuatu benda, kita kena buat dengan cara elok, jangan merosakkan. Di Perlis, mungkin tak ada, kalau ada pun tak tahulah. Kalau ada orang nak tempat saya sebagai MB, saya tak dengar cerita, kalau ada mungkin dia cakap kepada orang lain tetapi dia tak cakap kepada saya, saya berasakan untuk mana-mana negeri pun, kalau ada yang mahu sesuatu tempat itu, cakaplah kepada pucuk pimpinan negeri supaya boleh dilakukan sesuatu. Bagi saya, kalau ada orang nak tempat saya untuk jadi MB dan berpotensi, saya akan buat supaya dia dapat tempat tu, macam Dr Mahathir bagi kuasa kepada Pak Lah, barulah kita dapat pertahankan kekuatan parti. Kalau ambil tempat secara rebutan, tak eloklah. Walaupun saya sentiasa menyeru kepada perpaduan, tetapi pengikut ini kadang-kadang tak rasional, jangan ambil tempat secara rebutan, sebaliknya ambil secara elok, dia jadi elok.